



KERTAS KERJA PERTANDINGAN **NATIONAL SCIENCE CHALLENGE (NSC) 2026**

1.0 LATAR BELAKANG

Pertandingan *National Science Challenge* (NSC) merupakan pertandingan sains peringkat kebangsaan khusus untuk pelajar sekolah menengah. Matlamat utama pertandingan ini adalah untuk memupuk minat para pelajar di seluruh Malaysia menceburi dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan & Matematik (STEM). Pertandingan NSC ini juga dapat memupuk minat dalam bidang teknologi dan inovasi selain dapat melatih pelajar dalam bidang komunikasi sains.

Sejak 1999, NSC telah berkembang daripada satu program kuiz sains kebangsaan kepada sebuah pertandingan sains terunggul di Malaysia yang memberi cabaran tahap tinggi kepada para pelajar sekolah menengah. Selain itu, NSC juga mencabar minda para pelajar dalam pelbagai subjek STEM dan memberi peluang bagi mereka mendapatkan bimbingan secara langsung daripada saintis muda melalui *Young Scientists Network-ASM* (YSN-ASM)

2.0 OBJEKTIF

Objektif utama NSC adalah untuk:

- Membangunkan dan memupuk pemikiran, penaakulan, penyelidikan, kerjasama dan kemahiran kreatif dalam kalangan pelajar sekolah melalui penglibatan Sains, Teknologi, Kejuruteraan, dan Matematik (STEM).
- Memupuk minat para pelajar untuk menceburi kerjaya dalam bidang STEM ke arah memenuhi keperluan bakat berkemahiran tinggi negara.
- Memberi peluang kepada pelajar untuk mempamerkan pengetahuan dan kemahiran saintifik mereka.

3.0 TEMA NSC 2026

- Bahasa Melayu: **Memantapkan Asas Sains untuk Masa Depan yang Berdaya Tahan dan Inklusif**
- Bahasa Inggeris: ***Strengthening Science Foundations for Resilient and Inclusive Future***

4.0 FORMAT PERTANDINGAN

Peringkat	Tarikh	Perincian
Pendaftaran	12 Februari – 1 April 2026	Pendaftaran pertandingan secara atas talian di laman sesawang www.nsc.my di mana setiap pasukan mempunyai tiga (3) orang pelajar yang berumur dalam lingkungan 13-16 tahun (Tingkatan 1 – Tingkatan 4) dan satu (1) Guru Mentor.
Awal	27 April – 8 Mei 2026	Kuiz individu akan dijalankan secara atas talian di www.nsc.my mengikut zon yang akan ditetapkan kemudian. Kuiz ini dijalankan dalam dwibahasa (Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris) dan soalan melibatkan silibus Sains dan Matematik Tingkatan 1 sehingga Tingkatan 4.
Negeri	18 Mei – 24 Julai 2026	80 pasukan terbaik dari 13 negeri dan 3 Wilayah Persekutuan [lima (5) pasukan bagi setiap negeri atau Wilayah Persekutuan] yang terpilih di Peringkat Awal. Setiap pasukan akan diuji melalui Scientific Challenge yang menguji pengetahuan, kemahiran proses sains (<i>Science Process Skills</i>) dan komunikasi pelajar.
Sepuluh Akhir	Dalam Talian: 1 – 31 Ogos 2026 Fizikal: 1– 6 September 2026	16 pasukan terbaik dari peringkat negeri akan terlibat dalam program secara hibrid yang merangkumi bengkel sains dan ceramah STEM. Peserta kemudiannya akan dikumpulkan untuk satu kem sains secara fizikal di universiti terpilih selama seminggu bagi aktiviti interaktif dan <i>hands-on</i> .
Akhir	7 September 2026	Lima (5) pasukan terbaik akan bertanding untuk merebut Piala Pusingan YAB Perdana Menteri dan diuji melalui dua (2) komponen utama iaitu Kuiz Sains dan Pembentangan Eksperimen yang berkaitan dengan tema NSC 2026.

Nota: Tarikh dan perincian program tertakluk kepada perubahan yang akan dimaklumkan kepada KPM.

1) PENDAFTARAN

- a. Penyertaan NSC terbuka kepada pelajar:
 - i. **Warganegara Malaysia** (pemegang MYKAD sahaja);
 - ii. **Tingkatan 1 hingga 4** (berumur antara 13 hingga 16 tahun pada tahun penyertaan); dan
 - iii. Pelajar dari **sekolah menengah kebangsaan, swasta atau antarabangsa**.
- b. Pendaftaran NSC 2026 dibuka dari **12 Februari hingga 1 April 2026**.
- c. Guru Mentor perlu mendaftarkan pasukan di laman web www.nsc.my dan boleh merujuk kepada **panduan untuk pendaftaran (di bawah tab 'Tutorial')**.
- d. Guru Mentor dikehendaki untuk memasukkan semua butiran peserta dan sekolah ke dalam sistem.
 - i. Sekiranya sekolah tidak tersenarai di dalam sistem, guru mentor harus memasukkan **nama sekolah secara penuh**.
- e. **Setiap pasukan** perlu mempunyai **tiga (3) orang pelajar** dan **satu (1) Guru Mentor**.
 - i. Setiap Guru Mentor boleh mendaftarkan **lebih dari satu (1) pasukan** dan tiada had jumlah pasukan.
 - ii. Guru Mentor dan Pelajar perlulah daripada **sekolah yang sama**. Pendaftaran melalui guru tuisyen adalah **tidak dibenarkan** melainkan guru dan pelajar adalah daripada sekolah yang sama.
 - iii. **Tiada had jumlah pasukan bagi setiap sekolah**.
 - iv. **Tiada yuran pendaftaran** dikenakan.
- f. Bagi setiap pendaftaran pasukan yang telah lengkap, setiap peserta akan diberikan ID individu untuk Peringkat Awal.
- g. Semua maklumat boleh diakses oleh Guru Mentor melalui akaun NSC masing-masing. Pelajar boleh berhubung dengan Guru Mentor untuk mendapatkan maklumat seperti ID individu, ID Kumpulan, kata laluan, sijil dan sebagainya.

2) PERINGKAT AWAL

Peringkat Awal akan diadakan pada **27 April hingga 8 Mei 2026** (dijalankan secara dalam talian mengikut zon yang akan dimaklumkan kemudian). Sesi percubaan akan diadakan beberapa hari sebelum tarikh sebenar peringkat awal untuk membolehkan para peserta menyesuaikan diri dengan platform kuiz tersebut. Semua peserta akan menerima sijil penyertaan. Sijil tersebut boleh dimuat turun di www.nsc.my selepas Peringkat Awal tamat.

A. **FORMAT SOALAN**

- i. Kuiz ini terdiri daripada soalan yang disusun secara rawak dan akan merangkumi topik Biologi, Kimia, Fizik, dan Matematik.
- ii. Semua peserta hanya diberikan masa **satu (1) jam** untuk menjawab kesemua soalan.
- iii. Soalan akan dipamerkan dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.
- iv. Pecahan soalan adalah seperti berikut:

Jenis Soalan	Liputan Silibus
Mudah	KSSM Tingkatan 1-4
Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)	KSSM Tingkatan 2-4
Aplikasi	KSSM Tingkatan 3 & 4 (Soalan juga boleh merangkumi rujukan daripada platform ASM e-Estidotmy, https://esti.my/)

B. PROSEDUR PERTANDINGAN

i. Sebelum pertandingan dijalankan:

- Guru Mentor hendaklah memberikan **ID individu** dan **kata laluan** kepada setiap peserta (disediakan dalam bahagian *Manage Teams* di portal Guru Mentor). Maklumat ini dinasihatkan untuk dikongsi **secara peribadi**, untuk mengelakkan peserta log masuk ke akaun peserta lain.

ii. Semasa pertandingan dijalankan:

- Semua peserta harus log masuk ke laman web NSC (www.nsc.my) menggunakan **ID individu** dan **kata laluan** untuk menjawab kuiz.
- Semua peserta perlu menjawab kuiz **secara individu**.
- Kuiz dalam talian boleh diambil di mana-mana tempat yang bersesuaian dengan capaian Internet, mengikut masa yang telah ditetapkan dari **7 pagi hingga 7 petang** pada hari yang diperuntukkan mengikut pembahagian zon.
- Semua peserta dinasihatkan supaya tidak menjawab soalan pada saat akhir bagi mengelakkan sebarang ralat dalam sistem dalam tempoh tersebut.

C. KRITERIA PEMILIHAN

- Markah keseluruhan dari setiap peserta dikira secara kumulatif dalam satu pasukan.
- Tempoh masa semasa menjawab kuiz akan diambil kira sekiranya terdapat dua pasukan yang mempunyai markah keseluruhan yang sama.
- Lima (5) pasukan** dengan markah keseluruhan tertinggi dari **setiap negeri dan Wilayah Persekutuan** akan dipilih untuk mara ke Peringkat Negeri, menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 80 pasukan.
- Negeri dan Wilayah Persekutuan yang dinyatakan adalah **Johor, Kedah, Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Perlis, Pulau Pinang, Sabah, Sarawak, Selangor, Terengganu, WP Kuala Lumpur, WP Labuan, dan WP Putrajaya**.

D. SIJIL PENYERTAAN

- Semua peserta akan diberikan sijil penyertaan setelah tamat menjawab soalan kuiz. Sijil tersebut boleh dimuat turun di bahagian laman utama Guru Mentor di www.nsc.my.
- Guru Mentor dan Pelajar dinasihatkan untuk menyemak nama dan nombor kad pengenalan yang tertera pada sijil.

- iii. Hanya pelajar yang menjawab kuiz akan menerima sijil penyertaan. Pelajar yang tidak menjawab kuiz dianggap sebagai tidak menyertai pertandingan dan tidak akan mendapat sijil.

3) PERINGKAT NEGERI

- a. Peringkat Negeri NSC 2026 akan diadakan daripada **18 Mei hingga 24 Julai 2026**. Setiap pasukan akan diuji dengan **Scientific Challenge** yang menguji pengetahuan dan kemahiran proses sains (*science process skills*) serta komunikasi pelajar. Peringkat ini akan dijalankan dalam talian mengikut sesi yang akan dimaklumkan kemudian.
- b. Setiap kumpulan akan diberikan sebuah pernyataan masalah dan perlu mereka sebuah eksperimen sains bagi menguji konsep-konsep sains yang terlibat dalam pernyataan masalah tersebut.
- c. Setiap pasukan akan dinilai berdasarkan pemahaman dan penghuraian kepada eksperimen sains yang telah dilaksanakan melalui laporan amali.
- d. Setiap pasukan juga perlu menyediakan pembentangan video menjelaskan persediaan dan pelaksanaan eksperimen sains mereka sebagai pelengkap kepada laporan amali yang telah dihantar.
- e. Para juri akan memilih **16 pasukan terbaik** (1 daripada setiap negeri) untuk bertanding di Peringkat Separuh Akhir.
- f. Taklimat khusus mengenai garis panduan untuk peringkat ini akan diadakan kepada semua peserta dan butiran dikongsikan melalui e-mel kepada Guru Mentor yang terlibat. Oleh itu, Guru Mentor dinasihatkan untuk sentiasa peka dengan e-mel masing-masing.
- g. Semua peserta akan diberikan sijil penyertaan setelah sesi tamat. Sijil tersebut boleh dimuat turun di bahagian laman utama Guru Mentor di www.nsc.my.

4) PERINGKAT SEPARUH AKHIR

- a. Peringkat Separuh Akhir NSC 2026 akan diadakan daripada **1 Ogos hingga 6 September 2026**.
- b. Dalam peringkat ini, pelajar akan melalui sesi ceramah dan bengkel secara dalam talian diikuti aktiviti *Science Camp* secara fizikal selama seminggu yang merangkumi bengkel sains, aktiviti praktikal serta *hands-on* berlandaskan tema NSC pada tahun ini.
- c. Juri akan memilih **lima (5) pasukan** dengan markah tertinggi berdasarkan prestasi keseluruhan sepanjang Peringkat Separuh Akhir untuk mara ke Peringkat Akhir.
- d. Taklimat khusus mengenai garis panduan untuk peringkat ini akan diadakan kepada semua peserta dan butiran diberikan dalam e-mel kepada Guru Mentor yang terlibat. Oleh itu, Guru Mentor dinasihatkan untuk sentiasa peka dengan e-mel masing-masing.
- e. Semua peserta akan diberikan sijil penyertaan setelah sesi tamat.

5) PERINGKAT AKHIR

- a. **Lima (5) pasukan** akan bertanding di Peringkat Akhir **secara fizikal** untuk merebut Piala Pusingan YAB Perdana Menteri. Peringkat Akhir ini akan berlangsung pada **7 September 2026** (tarikh tertakluk kepada pindaan).
- b. Pertandingan Peringkat Akhir ini terdiri daripada:
 - i. **Kuiz:** Mempunyai beberapa kategori yang dijawab secara individu dan juga secara berkumpulan.
 - ii. **Pembentangan:** Setiap pasukan dikehendaki membentangkan eksperimen sains yang telah dilaksanakan semasa peringkat *Science Camp* di hadapan panel juri, diikuti dengan sesi soal jawab.
- c. Semua peserta akan diberikan sijil pencapaian mengikut kedudukan dan akan dihantar kepada para peserta yang bertanding di peringkat ini.

5.0 PELAPORAN DATA

Sebagai sebahagian daripada penyertaan anda dalam NSC 2026, anda juga akan mengambil bahagian dalam penilaian penjejakan impak. Ini mungkin termasuk menjawab soal selidik, tinjauan, atau temu bual yang dirancang untuk menilai keberkesanan NSC 2026. Semua maklumat yang dikumpulkan akan digunakan untuk tujuan penyelidikan dan penilaian, serta mematuhi standard etika penyelidikan yang ditetapkan. Dapatan dan laporan yang dihasilkan daripada data ini akan dikongsi dengan Kementerian Pendidikan untuk menyokong penambahbaikan program ini.

Nota: Arahan dan garis panduan bagi setiap peringkat adalah tertakluk kepada perubahan. Sebarang perubahan akan dimaklumkan kepada semua peserta dan Guru Mentor melalui emel rasmi, saluran Telegram dan media sosial NSC. Sila layari laman web www.nsc.my untuk makluman lanjut.

-TAMAT-